



Ruj.Kami : (64) dlm. KKM-61 (3114)

Tarikh : 16 Februari 2016

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PEMBERITAHUAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2016

URUSAN PINDAAN NAMA PEGAWAI DALAM BUKU REKOD PERKHIDMATAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, urusan merekod maklumat pegawai dalam Buku Rekod Perkhidmatan adalah merupakan tanggungjawab Ketua Jabatan. Tatacara pelaksanaan urusan tersebut dinyatakan dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2008 (SPP 15/2008) – Panduan Menguruskan Buku Perkhidmatan Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
3. Namun, pada masa ini, sebahagian daripada tersebut seperti permohonan pindaan nama pegawai berikutan perubahan nama dalam kad pengenalan perlu dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (BSM IPKKM) untuk pertimbangan dan kelulusan.
4. SPP 15/2008 mendefinisikan Ketua Jabatan adalah pegawai yang mengetuai sesebuah organisasi sama ada di peringkat Kementerian, jabatan di peringkat persekutuan, wilayah, negeri, daerah atau di luar negara. Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut menjelaskan bidang kuasa Ketua Jabatan dalam menimbang dan meluluskan permohonan pindaan nama dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

5. Selaras dengan urusan mendayaupayakan pengurusan sumber manusia di peringkat Kementerian, Jabatan dan Institusi, maka **kuasa melulus bagi permohonan pindaan nama pegawai** dalam Buku Rekod Perkhidmatan yang telah ditambahbaik adalah dicadang seperti berikut:

Bil.	Kategori Pegawai Memohon Pindaan Nama	Urus Setia	Kuasa Melulus
(a)	KSU	BKP IPKKM menerusi BSM IPKKM	KPPA
(b)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi IPKKM, Ketua Institusi dan Pengarah Kesihatan Negeri (tidak termasuk KSU)	BKP IPKKM	KSU
(c)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi JKN dan Pegawai Pengurusan dan Profesional (tidak termasuk Ketua Institusi dan Pengarah Kesihatan Negeri)	Unit Sumber Manusia JKN/ Institusi	Pengarah Kesihatan Negeri/ Ketua Institusi
(d)	Pegawai Pengurusan dan Profesional dan Pegawai Kumpulan Pelaksana IPKKM	BKP IPKKM	SUB(KP)
(e)	Pegawai dalam Kumpulan Pelaksana JKN/ Institusi	Unit Sumber Manusia JKN/ Institusi	TPKN(P)/ Timbalan Ketua Institusi (Pengurusan)

6. Pelaksanaan urusan tersebut berkuat kuasa mulai 22 Februari 2016.

7. Selaras dengan tatacara baharu ini, permohonan yang **belum dikemukakan kepada BSM IPKKM** hendaklah diuruskan seperti yang dinyatakan di perenggan 5.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN)

b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)